

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil produk berikut dan sila dapatkan penjelasan daripada Ejen kami sekiranya anda tidak memahami apa-apa syarat di sini. Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am polisi.

INSURANS PERJALANAN TRAVEL GUARD

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan pampasan dan pembayaran balik jika berlaku kecederaan, hilang upaya kekal atau kematian yang disebabkan kejadian tidak disengajakan luar jangkaan dan secara kebetulan kepada orang yang diinsuranskan, semasa tempoh insurans dalam urusan perjalanan anda.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

No	Manfaat	Individu	Keluarga
1	Kematian Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal	Dewasa - RM200,000 Kanak-Kanak - RM50,000	Dewasa – RM200,000 Kanak-Kanak - RM50,000 (maksima satu keluarga: RM600,000)
2	Perbelanjaan Perubatan dan Perbelanjaan lain * Rawatan pergigian kecemasan akibat kemalangan * Rawatan susulan dalam masa 3 bulan selepas kepulangan anda * Belanja pengubumian di luar negara	Sehingga RM300,000 • Terhad RM350 • Terhad RM3,000 • Terhad RM2,500	Sehingga RM900,000 (Setiap orang yang diinsuranskan sehingga RM100,000) • Terhad RM350 • Terhad RM3,000 • Terhad RM2,500
3	Manfaat Kesulitan Perubatan	Sehingga RM3,000 (RM100 sehari)	Sehingga RM3,000 (RM100 sehari)
4	Pemindahan Perubatan Kecemasan	Sehingga RM1,000,000	Sehingga RM1,000,000
5	Perbelanjaan Repatriasi	Sehingga RM50,000	Sehingga RM50,000
6	Permendekan Perjalanan	Sehingga RM10,000	Sehingga RM30,000
7	Pembatalan Perjalanan	Sehingga RM10,000	Sehingga RM30,000
8	Penangguhan Akibat Rampasan	Sehingga RM5,000, (RM500 untuk setiap 12 jam penuh berterusan)	Sehingga RM5,000, (RM500 untuk setiap 12 jam penuh berterusan)
9	Penangguhan Perjalanan	Sehingga RM3,600 (RM200 untuk setiap 6 jam penuh berterusan)	Sehingga RM3,600 (RM200 untuk setiap 6 jam penuh berterusan)
10	Ketinggalan Perlepasan	Sehingga RM500	Sehingga RM1,500
11	Harta peribadi:		
	a) Kehilangan/Bagasi/Barang Peribadi–barang peribadi * Terhad RM800 – satu item dan jumlah keseluruhan item * Terhad RM400 – satu dan/atau sepasang set barang; * Terhad RM500 – semua kelengkapan golf	Sehingga RM2,500	Sehingga RM2,500
	b) Kelewatan Bagasi	Sehingga RM600 (RM200 untuk setiap 6 jam penuh berterusan)	Sehingga RM600 (RM200 untuk setiap 6 jam penuh berterusan)
	c) Wang Persendirian	Sehingga - Dewasa: RM800; Kanak-Kanak: RM200	Sehingga - Dewasa: RM800; Kanak-Kanak: RM200
	d) Dokumen Perjalanan	Sehingga RM5,000	Sehingga RM5,000
12	Kegagalan Menyambung Perjalanan	Sehingga RM200 (minima 6 jam)	Sehingga RM200 (minima 6 jam)
13	Liabiliti Diri	Sehingga RM1,000,000	Sehingga RM1,000,000

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung atas bilangan hari perjalanan dan destinasi yang di pilih seperti berikut:

Asia termasuk Australia & New Zealand		
1 - 5 hari	35.00	81.00
6 - 10 hari	52.00	119.00
11 - 18 hari	78.00	181.00
19 - 31 hari	98.00	230.00
Minggu tambahan	23.00	54.00

Seluruh Dunia termasuk Amerika Syarikat & Kanada		
1 - 5 hari	57.00	135.00
6 - 10 hari	83.00	201.00
11 - 18 hari	127.00	307.00
19 - 31 hari	160.00	389.00
Minggu tambahan	38.00	89.00

4. Selain daripada premium dan Cukai Kerajaan (jika berkenaan), apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?

- | | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none">▪ Komisen dibayar kepada ejen insurans▪ Duti Setem | <ul style="list-style-type: none">▪ 25% daripada premium▪ RM10.00 |
|---|--|

5. Apakah diantara terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Insurans Komersial

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Anda perlu memberitahu semua fakta penting seperti pekerjaan anda, perjalanan yang dicadangkan dan tugas anda yang mungkin akan memberi kesan profil risiko dan bilangan polisi kemalangan diri yang anda telah beli dari syarikat insurans lain.

6. Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?

Polisi tidak melindungi:-

- a) Perang, rusuhan dan kekecohan awam
- b) Membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan
- c) Kelahiran anak atau keguguran
- d) Kecacatan fizikal atau mental yang sedia ada
- e) Sakit atau penyakit
- f) AIDS dan/atau komplikasi berkaitan AIDS
- g) Tindakan keganasan

Nota: Senarai pengecualian diatas adalah tidak sepenuhnya. Sila rujuk polisi dokumen untuk senarai penuh pengecualian dibawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi?

Tiada pemulangan premium dibenarkan Setelah Sijil Insurans dikeluarkan.

8. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam alamat atau butiran peribadi saya?

Adalah penting bahawa anda memberitahu Syarikat tentang segala perubahan dalam alamat atau butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat anda tiba pada waktu yang tepat.

9. Bagaimana saya membuat tuntutan?

Apabila berlaku sebarang kemalangan yang akan menimbulkan tuntutan di bawah polisi ini semasa dalam perjalanan luar negara, sila hubungi, sila hubungi Bantuan Perubatan Kecemasan No.+603-76283639 atau notis bertulis diberi kepada Syarikat atau agen insurans secepat mungkin selepas kejadian kemalangan tetapi dalam mana-mana kejadian dalam masa 3 bulan calendar.

10. Apakah jenis perlindungan Insurans Kemalangan Diri lain yang terdapat di The Pacific Insurance Berhad?

Jenis perlindungan insurans kemalangan diri lain yang ada termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- | | |
|---|--|
| • Pacific Super Protector | * Kemalangan Diri Keluarga |
| • Kemalangan Diri | * Kemalangan Diri Pelajar |
| • Kemalangan Diri Bonus | * Kemalangan Diri Seluruh Dunia dengan Bonus |
| • Kemalangan Diri Pemandu & Penumpang | * Kemalangan Diri Care |
| • Kemalangan Diri Pemandu & Penumpang Bonus | * Kemalangan Diri Senior Care |
| • Kemalangan Diri Auto Guard | * Kemalangan Diri Supreme |

11. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada buku kecil maklumat insurans tentang "Insurans Kemalangan Diri Pengembara" terdapat di mana-mana cawangan Syarikat atau lawati www.insuranceinfo.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lain, sila hubungi:-

The Pacific Insurance Berhad,

40-01, Q Sentral,

2A Jalan Stesen Sentral 2,

50470 Kuala Lumpur.

Tel: 03-26338999 Faks: 03-26338880 Talian bebas tol: 1800 88 1629

Email: customerservice@pacificinsurance.com.my Lamanweb: www.pacificinsurance.com.my

12 Pengakuan

Saya/Kami mengakui bahawa syarat kontrak utama di atas telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami.

.....
Tandatangan

NOTA PENTING :

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN KEPADA SKALA PAMPASAN BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA HENDAKLAH MELANTIK NOMINI DAN PASTIKAN NOMINI ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERUNDING DENGAN AGEN INSURANS ATAU HUBUNGI THE PACIFIC INSURANCE BERHAD TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak setara, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.